

21 MAR 2003

Mahathir-Iraq

DR MAHATHIR KECAM KAEDAH BUNUH PEMIMPIN UNTUK SELESAI KONFLIK

KUALA LUMPUR, 21 MAC (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dunia kini menghadapi situasi menakutkan kerana sebuah kuasa besar yang dianggap bertamadun tinggi -- jelas merujuk kepada Amerika Syarikat -- menggunakan cara pembunuhan pemimpin negara lain untuk mencapai matlamatnya.

Perdana Menteri berkata ini menunjukkan betapa merosotnya moral kuasa-kuasa besar di dunia termasuk Britain, Sepanyol dan Amerika sendiri yang menghalalkan pembunuhan sebagai dasar negara.

Dalam reaksi pertamanya selepas serangan Amerika dan sekutunya terhadap Iraq bermula semalam bertujuan menggulingkan Presiden Saddam Hussein, beliau berkata: "Ini yang menakutkan kerana kita tak tahu siapa yang akan menjadi mangsa.

"Kita sekarang ini tidak lagi boleh berasa selamat kerana mungkin jika kita buat sesuatu yang salah, maka pembunuhan akan digunakan," kata Presiden Umno itu kepada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Sambil menegaskan Malaysia menentang sekeras-kerasnya serangan ke atas Iraq, Dr Mahathir berkata tindakan Amerika itu, yang membelakangkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), merupakan sesuatu yang menghancurkan sistem antarabangsa bagi menyelesaikan konflik.

Dr Mahathir, yang sedang bercuti, berkata beliau mempengerusikan mesyuarat MT itu atas permintaan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi walaupun pada mulanya beliau ingin menghadirinya sebagai anggota biasa.

Beliau kembali ke tanah air semalam selepas lawatan empat hari ke Brazil dan dijangka menyaksikan perlumbaan kereta Formula One di Litar Antarabangsa Sepang Ahad ini, mungkin yang terakhir baginya sebagai Perdana Menteri berikutan keputusan beliau untuk bersara Oktober ini.

Dr Mahathir berkata umum mengetahui Amerika telah melabelkan Iraq bersama Iran dan Korea Utara sebagai Paksi Kejahatan yang turut dikatakan mempunyai pemerintahan kuku besi.

"Mungkin selepas Iraq (diserang), Iran, dan selepas Iran, mungkin juga Syria atau Libya. Negara-negara ini dituduh mempunyai pemerintahan kuku besi dan hasrat kerajaan Amerika ialah (kononnya) untuk membebaskan rakyat mereka (negara berkenaan) daripada kerajaan kuku besi," katanya.

Beliau berkata dengan memulakan serangan di Iraq tanpa restu PBB, Amerika telah menidakkan kewujudan badan dunia itu yang selama ini menjadi benteng bagi menjaga kepentingan negara-negara lemah.

"Sekarang ini, kita tidak lagi boleh berharap kepada PBB kalau kuasa-kuasa besar bercadang menyerang kita. Kita mungkin didapati bersalah kerana yang menjadi hakim adalah orang yang juga menjalankan hukuman," katanya.

Dr Mahathir berkata Amerika juga sering menekankan betapa pentingnya negara lain mematuhi kedaulatan undang-undang tetapi ia sendiri tidak berbuat demikian seperti yang terbukti apabila ia menolak beberapa perjanjian antarabangsa melibatkan iklim dan penubuhan mahkamah jenayah antarabangsa.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan akan mengemukakan usul mengenai serangan Amerika terhadap Iraq pada sidang Dewan Rakyat yang berlangsung sekarang.

"Saya berharap perbahasan akan tertumpu kepada masalah ini dan tidak

bercampur-aduk dengan perkara yang lain. Tujuannya ialah untuk menentukan pendirian rakyat Malaysia daripada semua parti mengenai apa yang telah dilakukan ke atas Iraq," katanya.

Dr Mahathir berkata usul itu dibuat bagi menyuarakan tentangan rakyat Malaysia terhadap perang dan bahawa mereka tidak bersetuju dengan serangan ke atas negara Asia Barat itu dengan tujuan membunuh presidennya.

"Kita berpendapat bahawa dalam perkara ini tidak harus ada perbezaan pendirian antara kerajaan dan parti-parti pembangkang. Kita perlu bersatu hati. Walaupun kita mempunyai perbezaan-perbezaan lain, tapi dalam perkara ini...kita semua menentang serangan yang dibuat ke atas Iraq," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata konflik di Iraq tidak patut dilihat sebagai perang antara orang Kristian dan orang Islam.

"Ia bukannya perang salib," katanya kerana banyak orang beragama Kristian termasuk Pope John Paul dan pemimpin Kristian lain menentang serangan terhadap Iraq.

"Kita harap walaupun ini (Iraq) adalah negara Islam, tindakan ini bukan kerana mereka nak serang negara Islam. Tapi kita khuatir akhirnya yang menjadi sasaran ialah negara-negara Islam," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir PBB dapat menghentikan peperangan tetapi Amerika perlu diberitahu bahawa tindakan mereka itu bertentangan dengan kehendak anggota PBB lain.

"Kita juga perlu mengingatkan Amerika tentang kesalahan daripada segi kesahihan undang-undang melancarkan perang terhadap Iraq supaya kemudian nanti, kalau dia nak kata kita tidak ada pemerintahan mengikut undang-undang, kita boleh tunjuk kepada apa yang dilakukan oleh mereka (sesuatu) yang lebih dahsyat," katanya.

Sebagai pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Dr Mahathir berkata beliau telah mengutus surat kepada semua anggota Majlis Keselamatan PBB berhubung isu Iraq.

Dr Mahathir turut mengingatkan rakyat Malaysia yang ingin berdemonstrasi menentang perang di Iraq supaya melakukannya secara teratur.

Kerajaan juga, katanya, akan memastikan bahawa harga barangan tidak naik akibat perang di Asia Barat selain mengkaji tindakan yang harus diambil bagi memastikan keselamatan negara terus terjamin.

Menjawab pertanyaan lain, beliau berkata Malaysia bersedia mengkaji untuk menghantar bantuan kemanusiaan seperti makanan dan pakaian bagi membantu mangsa perang di Iraq.

Mesyuarat MT itu turut membincangkan isu sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah kebangsaan termasuk tindakan yang perlu diambil bagi memastikan sekolah kebangsaan dapat menarik kemasukan pelajar daripada semua kaum.

Dr Mahathir berharap pembangkang mengeneipkan sebarang perbezaan pendapat dengan kerajaan berhubung isu SAR semasa membahaskan usul mengenai Iraq di Dewan Rakyat kelak.

Di awal sidang media itu, Presiden Umno semasa menjelaskan mengenai kehadirannya, telah meminta media untuk tidak membuat spekulasi bahawa beliau cuba mengambil alih peranan Abdullah yang memangku jawatan Perdana Menteri sepanjang percutiannya (Dr Mahathir).

"Ini (kehadiran saya) tak (bermaksud) ada masalah antara saya dengan dia. Jangan pula bercerita saya datang balik ambil alih kerana saya tak percaya (beliau) ke... apa ke, tak ada.

"Janganlah buat cerita-cerita yang karut," katanya.

-- BERNAMA

MAM AZH RON